



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MENTERI KESIHATAN

SISTEM JANJI TEMU DI FASILITI KESIHATAN PRIMER KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam usaha ke arah pendigitalan sistem kesihatan agar sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) 2021 – 2025 KKM di bawah Teras Strategik 2 iaitu Pemantapan Teknologi Baharu.

Mengambil kira masa menunggu yang lama, sistem janji temu melalui Aplikasi MySejahtera yang sedia ada di semua fasiliti kesihatan primer akan diperluaskan sebagai langkah mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan akses klien di fasiliti kesihatan primer. Perkhidmatan yang akan dimasukkan dalam sistem janji temu adalah seperti berikut:

- a) Rawatan Pesakit Luar
- b) Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI)
- c) Saringan Kesihatan PeKa B40
- d) Pemeriksaan Kesihatan Pra-Pekerjaan / Pra-Pengajian
- e) Saringan Pra-Perkahwinan
- f) Khidmat Berhenti Merokok (KBM)
- g) Perkhidmatan Perancang Keluarga
- h) Prosedur (rawatan luka, penukaran tiub, dll.)

Perkhidmatan ini telah dimulakan di 673 Klinik Kesihatan secara berfasa, bermula dengan saringan NHSI, PeKa B40, KBM dan akan diperluaskan kepada perkhidmatan lain secara berperingkat.

Sistem janji temu ini bertujuan membantu fasiliti kesihatan primer mengatur jadual perkhidmatan berdasarkan kapasiti masing-masing dan mengelakkan kesesakan di tempat pendaftaran dan menunggu.

Antara kelebihan sistem janji temu atas talian ini termasuklah pelanggan dapat merancang lawatan ke fasiliti kesihatan primer mengikut kesesuaian masa. Selain itu, pelanggan juga boleh mengubah tarikh janji temu melalui Aplikasi MySejahtera dengan mudah tanpa perlu membuat panggilan ke fasiliti kesihatan.

Sistem ini juga mempunyai fungsi *Automated Reminder* supaya pelanggan menghadirkan diri mengikut masa dan tarikh yang telah ditempah. Untuk kes kecemasan, kes demam atau penyakit berjangkit, orang ramai boleh terus ke fasiliti

kesihatan primer tanpa perlu membuat janji temu. Sistem janji temu Aplikasi MySejahtera bagi tahun 2023 telah mula sepenuhnya dan tempahan boleh dilakukan bermula hari ini.

Dengan pendigitalan sistem perkhidmatan kesihatan yang disediakan KKM ini, saya harap ia dapat mempromosi program-program kesihatan di bawah fasiliti kesihatan primer kepada masyarakat dengan lebih berkesan serta menjadikan sistem perkhidmatan penjagaan kesihatan negara lebih efisien.

DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN

28 Disember 2022